

05 DEC 1997

PERDANA MENTERI, NIK AZIZ BERJEMAAH DI TEMOYONG

LANGKAWI, 5 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menunaikan solat Jumaat di Masjid Temoyong di sini, bersama-sama Menteri Besar Kelantan Datuk Haji Nik Aziz Nik Mat dan Menteri Besar Kedah Tan Sri Sanusi Junid.

Yang turut berjemaah bersama kira-kira 1,000 penduduk tempatan di masjid itu ialah Timbalan Menteri Besar Kelantan Haji Abdul Halim Abdul Rahman dan Pengerusi MAS Tan Sri Tajudin Ramli.

Menurut Setiausaha Politik kepada Menteri Besar Kelantan Haji Husam Musa, kehadiran Nik Aziz berjemaah di masjid itu adalah secara kebetulan sahaja.

Dr Mahathir berada di sini sejak Selasa sempena Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (LIMA) '97.

Selepas solat, Perdana Menteri makan tengah hari bersama pemimpin-pemimpin PAS berkenaan serta ahli jemaah lain di situ.

Haji Abdul Halim yang ditemui kemudian berkata Nik Aziz datang untuk menyaksikan pameran LIMA '97, bukan untuk apa-apa majlis parti. -- BERNAMA
NH NMO